

**Tarikh Dibaca: 29 OKTOBER 2023M / 14 RABI'UL AKHIR 1445H**



**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

***Tajuk:***

***“KHUTBAH GERHANA BULAN”***

**\*\*\***

**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

## KHUTBAH GERHANA BULAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ  
لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن  
كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ <sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ <sup>2</sup>

### Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, iaitu istiqamah dalam mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan yang demikian, mudah-mudahan kita akan menjadi umat yang terbaik dan unggul serta mendapat keredaaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

<sup>1</sup> Fussilat : 37.

<sup>2</sup> ali-Imran : 102.

## Muslimin muslimat yang dirahmati Allah,

Matahari, Bulan, siang dan malam merupakan sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaan Allah SWT. Begitu juga dengan penciptaan alam semesta ini, alam yang begitu luas, yang mengandungi berjuta-juta bintang, berjuta-juta galaksi dan yang mengandungi berjuta-juta makhluk. Hanya Allah SWT sahaja yang Maha Mengetahui hikmah di sebalik semua penciptaan-Nya ini.

Firman Allah dalam ayat 5-6 surah Yunus :

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ  
لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ  
يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾ إِنَّ فِي اخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا  
خَلَقَ اللَّهُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَّقُونَ ﴿٦﴾

*“Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya (masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikan-Nya). Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang silih berganti, dan pada segala yang dijadikan oleh Allah di langit dan di bumi, ada tanda-tanda (yang menunjukkan undang-undang dan peraturan Allah) kepada kaum yang mahu bertakwa.”*

Al-Quran mengajak kita untuk sentiasa berfikir dan memikirkan setiap ciptaan Allah SWT dan fenomena yang berlaku di sekeliling kita. Bahawa semua yang Allah SWT jadikan ini tidaklah dijadikan secara sia-sia. Ianya mempunyai nilai falsafahnya yang tersendiri. Nilai ini akan membawa kita bersaksi bahawa semuanya ini adalah ciptaan dan di bawah kekuasaan Allah SWT. Pemerhatian ini akhirnya akan menzahirkan ketauhidan bahawa hanya Allah SWT yang layak disembah dan tiada sekutu bagi-Nya.

### **Hadirin yang dirahmati Allah,**

Matahari dan bulan merupakan 2 objek yang dekat dengan kita. Kedua-duanya tetap berputar dan beredar mengikut sunnah yang Allah telah tetapkan padanya mengikut jalannya masing-masing. Dalam peredaran Matahari dan Bulan ini, Allah dengan kekuasaan-Nya mentakdirkan kedua-duanya berhimpun dan bersatu dalam satu garisan, lalu menjadi Gerhana.

Ahli-ahli falak telah menghitung bahawa Gerhana Bulan Separa akan berlaku pada 29 Oktober 2023 ini bersamaan 14 Rabi'ul Akhir 1444H. Gerhana bulan yang berlaku ini adalah suatu peristiwa yang menakjubkan kepada seluruh umat manusia. Gerhana bulan berlaku apabila sebahagian jasad bulan atau keseluruhan bulan memasuki kawasan bayang-bayang gelap bumi yang menyebabkan bulan tidak dapat menerima cahaya matahari untuk dipantulkan kepada penduduk bumi.

Di Selangor, fenomena Gerhana Bulan Separa ini dapat disaksikan bermula pada jam 3:35 pagi dan dijangka berakhir pada jam 4:52 pagi. Selama hampir 1 jam 17 minit kita berpeluang menyaksikan pada ketika Bulan Purnama, jasad bulan sedikit demi sedikit ditutupi oleh bayang

bumi dan akan kembali menjadi purnama semula. Begitulah, tanda-tanda kekuasaan Allah SWT yang Maha Agung mengatur perjalanan dan pergerakan setiap makhluknya di langit dan di bumi.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Gerhana itu ialah suatu perubahan, suatu kejadian, suatu tanda keagungan dan kebesaran Allah SWT yang berlaku melalui sistem peredaran bumi, matahari dan bulan pada orbitnya masing-masing; di mana kejadian ini adalah suatu perkara yang amat mudah bagi Allah Ta'ala melakukannya. Kejadian gerhana matahari atau bulan ini bukanlah merupakan suatu tanda akan timbul kejadian yang aneh dan mengkhawatirkan, tetapi gerhana itu berlaku atas kehendak dan kuasa Allah atas segala sesuatu yang tidak dapat dihalang oleh apa jua kekuatan pun di dunia ini.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 117:

بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ ۖ كُنْ فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾

*“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila Ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya: “Jadilah engkau!” Lalu menjadilah ia.”*

Oleh itu, Islam menganjurkan umatnya untuk melaksanakan solat sunat Gerhana ketika berlakunya gerhana bulan atau matahari. Berdasarkan hadis Rasulullah SAW daripada Aisyah Radhiallahu Anha:

وَقَدْ انْجَلَتِ الشَّمْسُ، فَخَطَبَ النَّاسَ، فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ، ثُمَّ قَالَ: إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ، لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ، فَادْعُوا اللَّهَ، وَكَبِّرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا. ثُمَّ قَالَ: يَا أُمَّةَ مُحَمَّدٍ وَاللَّهِ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ لَضَحِكْتُمْ قَلِيلًا وَلَبَكَيْتُمْ كَثِيرًا

*“Dan sesungguhnya telah jelas cahaya matahari, maka Rasulullah SAW berkhotbah dihadapan orang ramai sambil memuji Allah SWT dan sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua daripada keagungan Allah. Gerhana kedua-duanya berlaku bukan disebabkan mati atau hidup seseorang. Apabila kamu melihat terjadi gerhana matahari atau bulan, maka hendaklah kamu berdoa kepada Allah dan mendirikan solat dan bersedekah. Sabda Nabi SAW: "Wahai umat Muhammad, jikalau kamu tahu apa yang aku tahu, nescaya kamu sedikit ketawa dan banyak menangis.”*

*(Riwayat al-Bukhari).*

### **Hadirin sekalian,**

Mengakhiri khutbah gerhana bulan pada hari ini, mimbar menyeru supaya:

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa segala fenomena alam yang berlaku termasuk gerhana bulan pada hari ini adalah dengan izin dan kekuasaan Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa tunduk dan patuh melaksanakan segala perintah Allah SWT serta mempertingkatkan iman dengan memperbanyakkan amal soleh pada setiap masa.

3. Umat Islam hendaklah menjauhi segala perbuatan, bentuk kepercayaan dan perkara khurafat khususnya yang dikaitkan dengan fenomena gerhana.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ  
لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ  
وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا  
بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

*“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab Neraka.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي  
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ  
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَأَرْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ  
الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ  
إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى،  
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ،  
وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ،

سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه  
الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ  
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي اَمْنٍ  
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.  
اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat islam sebagai negara yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Oleh itu, kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي  
الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ  
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.